


PROGRAM

2.15 pagi	Kehadiran peserta dan pendaftaran
2.30 petang - 2.35 petang	Kata-kata aluan moderator:
2.35 petang - 4.00 petang	Penyampaian wacana: Undang Naning Melaka: Konflik Adat atau Keluarga? oleh Prof. Dr. Supyan Hussin
4.00 petang - 4.30 petang	Sesi Soal Jawab
4.30 petang	Sesi tamat

Mengenai Siri Wacana KITA

Siri Wacana KITA memberi ruang kepada sarjana dan pelajar pasca siswazah mengetengahkan buah fikiran mereka mengenai pelbagai isu sosial berkait dengan etnik. Hasil daripada wacana tersebut dapat dipertimbangkan untuk penerbitan dalam Siri Kajian Etnik UKM. Untuk maklumat lanjut mengenai Siri Kajian Etnik UKM & Journal of Ethnic and Diversity Studies (JOEDS), sila hantarkan e-mel kepada rachelchansuetkay@ukm.edu.my.

Penafian: *Pandangan-pandangan yang terkandung dalam pembentangan berkenaan adalah pandangan setiap pembentang yang terlibat dan tidak mewakili pandangan KITA.*



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*



KITA
INSTITUT KAJIAN ETNIK
INSTITUTE OF ETHNIC STUDIES

Siri Wacana KITA Bil. 9/2024

Undang Naning Melaka: Konflik Adat atau Keluarga?

**Prof. Dr. Supyan Hussin
Felo Penyelidik Utama,
Institut Kajian Etnik (KITA)**

24 Oktober 2024 (Khamis)
02.30 petang – 04.30 petang

Bilik Mesyuarat Keris
Perdana,
Aras 4, Kolej Keris Mas,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Platform:
Aplikasi Zoom & Facebook Live KITA

ABSTRAK

Sesi wacana kali ini akan menyaksikan perkongsian hasil penyelidikan Prof. Dr. Supyan Hussin mengenai Undang Naning Melaka yang telah dijalankan sejak 2017 hingga hari ini. Melalui penglibatan beliau dalam masyarakat Naning, Melaka dan berinteraksi dengan Lembaga Adat, ahli-ahli keluarga kerabat Naning, serta lawatan dan penyertaannya menggunakan kaedah etnografi dan pengalaman langsung dalam masyarakat Naning, Prof. Dr. Supyan telah mengumpul data dan maklumat dalam bentuk lisan, teks, foto dan video untuk membuat analisis yang mendalam. Analisis ini dibahagikan kepada beberapa bahagian: sejarah, adat, penghayatan budaya bersandarkan adat, salasilah, dan isi perlantikan Undang Naning.

Kajian ini membincangkan isu Undang Naning di Melaka, yang merupakan pertembungan antara nilai adat dan hubungan kekeluargaan dalam konteks masyarakat tempatan. Menggunakan perspektif Prof. Dr. Supyan Hussin dan Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri, kajian ini meneroka dinamika dan konflik yang timbul dalam penghayatan adat, bersepadan dengan perkembangan sosial dan budaya masyarakat Melayu. Undang Naning dilihat sebagai institusi yang mencerminkan kedaulatan dan penguasaan dalam urusan pemerintahan tempatan, tetapi pada masa yang sama, ianya juga melibatkan elemen kekeluargaan yang mungkin mempengaruhi keputusan dan tindakan yang diambil oleh pemimpin adat.

Penelitian dilakukan untuk memahami bagaimana tradisi dan norma yang berakar umbi dalam masyarakat Naning berinteraksi dengan nilai-nilai keluarga. Persoalan utama yang diajukan adalah sama ada ada konflik yang berlaku berpunca daripada kepentingan kelompok tertentu atau disebabkan oleh ketegangan dalam hubungan kekeluargaan yang lebih luas. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini mengumpulkan data melalui temu bual dan analisis dokumen historikal, yang memberikan gambaran menyeluruh tentang pengaruh adat dan keluarga dalam struktur sosial Naning.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat konflik, elemen kekeluargaan sering kali menjadi faktor penyatu dalam menyelesaikan pertikaian. Oleh itu, pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan Undang Naning dalam konteks adat dan hubungan keluarga adalah penting untuk membina komuniti yang harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Melayu.

Biodata ringkas pembentang



Prof. Dr. Supyan Hussin, merupakan mantan Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau adalah seorang akademik dan penyelidik yang aktif di Institut Kajian Etnik (KITA), UKM sebagai Felo Penyelidik Utama. Bidang fokus beliau ialah sains sosial dan kemanusiaan merangkumi pendidikan, sosiologi dan antropologi. Beliau telah menerbit 7 buah buku dan lebih daripada 200 makalah di dalam buku, jurnal dan prosiding di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau telah melahirkan 45 orang pelajar Ph.D dan dilantik sebagai pemeriksa untuk 138 tesis Ph.D. Kini beliau masih menyelia 32 pelajar PhD dalam bidang sains sosial dan kumanusiaan. Di samping penglibatan dalam penyelidikan, beliau juga menjalankan tugas pengajaran dan bimbingan kepada pelajar pasca siswazah di UKM. Prof. Dr. Supyan sering dijemput sebagai penceramah di pelbagai seminar, persidangan, wacana dan latihan sumber manusia serta media baru bagi menyumbang pandangan beliau tentang isu-isu pendidikan dan sosial yang relevan. Melalui sumbangannya dalam bidang akademik, beliau telah meningkatkan pemahaman tentang peranan adat dalam konteks moden di Malaysia. Pada bulan September 2024, beliau telah menerima Anugerah Tokoh Adat Budaya Nusantara di Melaka. Prof. Dr. Supyan Hussin adalah Yang Dipertuan Pertubuhan Pendokumentasian Warisan Melayu Malaysia.

Emel: : supyan@ukm.edu.my

Web: <https://www.ukm.my/kita/academic/supyan-hussin/>